

LATIHAN MENUKARKAN BAHASA MELAYU KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU MODEN
ARAHAN TUGASAN : SERET JAWAPAN KE RUANGAN YANG SESUAI BERDASARKAN SOALAN.


SET 6

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti.
Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard**
tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi. Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu, "Siapa tuan hamba ini?"

Maka kata orang itu, "Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat *pakanira*, sudahkah datang dari Daha atau belumkah kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira." Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu. (8 markah)

CIKGLU ROHAIZA OMA

orang itu	BAHASA MELAYU STANDARD
<p>BAHASA MELAYU KLASIK</p> <p>Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah.</p>	
<p>Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi.</p>	
<p>Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu, "Siapa tuan hamba ini?"</p>	
<p>Maka kata orang itu, "Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat <i>pakanira</i>, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira."</p>	
<p>Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.</p>	
<p> TIP: "<i>Pakanira</i>" ialah kamu/awak.</p>	

Lalu/Kemudian kata orang itu/tersebut, "Saya ini disuruh oleh Patih Gajah Mada untuk melihat tuan/kamu, sama ada sudah balik dari Daha atau belum, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu/berjumpa dengan saya/kita."

Kemudian/Lalu Kertala Sari pun segera mengambil/membawa kerisnya lalu berjalan diiringi orang itu.

Sebaik sahaja/Selesaiya Kertala Sari berkata-kata sedemikian, lalu/kemudian orang suruhan Patih Gajah Mada itu pun datang/

Kemudian dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti tingkah laku orang berkelahi/bergaduh/ bertengkar/berbalah.

Setelah dilihat oleh Kertala Sari orang yang datang itu, lalu/ kemudian kertala Sari bertanya kepada orang itu, "Siapakah tuan hamba ini?"

SET 7

Baca pekaian bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula pekaian tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihinya anakku ini, kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.'"

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada. (8 markah)



BAHASA MELAYU KLASIK

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah.

Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihinya anakku ini, kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara.

Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung."

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

BAHASA MELAYU STANDARD



TIP: Jawatan "penggawa agung" tidak perlu diubah kerana itulah jawatan pembesar di Majapahit. Penggawa bermaksud ketua.

Sekarang ini/Oleh itu/Oleh sebab itu anaku/kamu akan dijadikan/dilantik sebagai penggawa agung."

Setelah Kertala Sari mendengar kata-kata Patih Gajah Mada itu, lalu/kemudian kertala Sari pun terlalu/amat/sangat/sungguh sukacita/gembira hatinya, lalu/kemudian menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Lalu/Kemudian kata Patih Gajah Mada, "Wahai anaku Kertala Sari, sebab aku menyuruh/memanggil anaku/kamu, kerana pesan bapamu/bapa kamu kepada aku, 'Jangan tidak dikasihi/dipedulikan/diabaikan anaku ini, kerana bapamu telah mati/meninggal dunia kerana/akibat/oleh sebab melaksanakan amanah/tanggungjawab/tugas Seri Betara.

Setelah sampai di hadapan Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah.